

**TEKS UCAPAN YANG BERHORMAT
DATO SERI PADUKA AWANG HAJI SUHAIMI BIN HAJI GAFAR,
MENTERI PEMBANGUNAN**

**SEMPENA MAJLIS PELANCARAN BUKU KERTAS RANGKA
DASAR
(POLICY FRAMEWORK) DAN BUKU PANDUAN PELAN STRATEGIK
(STRATEGIC PLAN) KEMENTERIAN PEMBANGUNAN 2018 – 2023**

**7 JUN 2018, JAM 8.30 PAGI
DEWAN BETABUR, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Mulia Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin,
Setiausaha Tetap (Teknikal & Professional) selaku Pengerusi Majlis

Yang Mulia Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak,
Pemangku Setiausaha Tetap (Pentadbiran & Kewangan)

Yang Mulia Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar
Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria, Ketua Pengarah Kerja
Raya

Yang Mulia Dr. Diana Cheong
Ketua Penyelidik Kanan
Pusat Pengajian Dasar & Strategik selaku Penceramah Undangan pada
hari ini

Yang Mulia Ketua – Ketua Jabatan, Ketua – Ketua Divisyen, Pegawai –
Pegawai Kanan Kementerian Pembangunan dan Hadirin-Hadirat yang
dihormati sekalian

السَّلَامَةُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

1. Segala puji dan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya jua maka kita dapat sama-sama berkumpul dan hadir di Majlis Pelancaran Buku Kertas Rangka Dasar (Policy Framework) dan Buku Panduan Pelan Strategik (Strategic Plan) Kementerian Pembangunan 2018-2023 di pagi bulan Ramadhan yang Mubarak ini.
2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua pihak-pihak yang terlibat didalam menyediakan dan menghasilkan satu Kertas Rangka Dasar dan Pelan Strategik 2018 – 2023, Kementerian Pembangunan, terutama sekali kepada Divisyen Penyelarasan Dasar dan Perancangan Strategik, Kementerian Pembangunan diatas usaha, penat lelah dan kegigihan abiskita semua sehingga dapat menerbitkan Buku ini didalam waktu yang singkat, yang mana saya anggap sangat berguna kepada kita semua dan menandakan satu lagi mercu-tanda penting bagi Kementerian Pembangunan ini, dalam merealisasikan visi Kementerian ini, serta membawa kita lebih dekat lagi kepada mencapai sasaran Wawasan Brunei 2035.
3. Penghargaan ini juga saya tujukan kepada pihak Pusat Pengajian Dasar dan Strategik (CSPS), Jabatan Perdana Menteri yang telah memberikan komitmen yang tinggi dari segi kerjasama, tenaga, masa dan buah fikiran yang konstruktif dalam menyumbang ke arah rumusan isi kandungan Rangka Dasar dan Pelan Strategik 2018 – 2023 Kementerian Pembangunan.

Sidang hadirin, hadirat yang dihormati sekalian,

4. **RANGKA DASAR (POLICY FRAMEWORK) 2018 – 2023**, Kementerian Pembangunan menggariskan hala tuju dasar dalam bidang-bidang yang menjadi keutamaan Kementerian ini yang merangkumi 9 sektor iaitu;
 - i. penyediaan perumahan;
 - ii. prasarana jalan raya;
 - iii. perkhidmatan bekalan air,

- iv. penyediaan saluran
 - v. penyediaan pembentungan;
 - vi. persekitaran yang bersih dan lestari;
 - vii. penggunaan tanah yang optima
 - viii. memudahcara bagi industri pembinaan
 - ix. serta pembiayaan infrastruktur.
5. Di kesempatan ini, saya ingin menyentuh antara beberapa teras dalam bidang-bidang yang menjadi kepentingan Kementerian ini bagi jangka masa 5 tahun yang akan datang.

I. Penyediaan dan pengurusan perumahan negara yang berdaya tahan

6. Bagi menjamin kedayatahan Rancangan Perumahan Negara (RPN) untuk mencapai kadar pemilikan rumah di kadar 85% menjelang 2035, ianya memerlukan perbelanjaan kos dan kadar subsidi yang agak besar. Kementerian ini telahpun mengenalpasti beberapa pendekatan dan rebiu dasar yang harus dilaksanakan bagi menyokong inisiatif perkongsian-swasta-awam iaitu Private-Public-Partnership (PPP), menjamin mampu-milik (*affordability*), memberikan keutamaan bantuan bagi memiliki rumah khususnya bagi golongan yang memerlukan untuk mencapai pembangunan inklusif dan pengurusan kos yang lebih efektif.

II. Pengoptimaan sumber tanah

7. Bagi mengimbangi keperluan pembangunan socio-ekonomi negara kita, dimana tanah-tanah yang dapat dimajukan adalah sangat terhad; Teras utama Kementerian ini adalah untuk memastikan pengoptimaan perancangan dan penggunaan tanah. Justeru itu, dasar-dasar guna tanah perlulah diselaraskan untuk menggalakkan pembangunan bersepadu (*integrated development*), meningkatkan pelaburan dalam bidang hartanah bagi sektor perekonomian yang berpotensi tinggi serta menangani jurang dasar (*policy gaps*) serta memperkukuhkan penguatkuasaan ke arah yang lebih berkesan.

III. Penyediaan Infrastruktur

8. Kos penyediaan dan pembinaan infrastruktur serta penyelenggaraan aset infrastruktur didapati semakin meningkat dari masa kesemasa. Dasar Kementerian ini adalah dengan membuat pengawalan dan penjimatan kos yang lebih efektif melalui "*integrated infrastructure development*" dan "*integrated maintenance management*".

IV. Perancangan dan Pengurusan alam sekitar yang mampan

9. Berhubung dengan isu alam sekitar pula, isu yang dihadapi oleh Kementerian ini adalah bagi mengukuhkan perundangan serta penguatkuasaan Akta secara menyeluruh. Untuk mengatasi perkara ini, penyelarasan dasar yang perlu dilaksanakan adalah memperkemaskinikan dasar serta perundangan yang sedia ada bagi memudahcara tindakan penguatkuasaan yang lebih bersepadu dan efektif bersama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain.
10. Sementara itu, bagi **PELAN STRATEGIK (STRATEGIC PLAN) 2018 – 2023 Kementerian Pembangunan** pula adalah merupakan kesinambungan daripada usaha-usaha penyelarasan dasar-dasar Kementerian Pembangunan dalam tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2018 hingga 2023. Hasil dari usaha ini ialah penerbitan sebuah buku yang digelar **Pelan Strategik 2018-2023, Kementerian Pembangunan** yang mengandungi garis panduan dan hala tuju bagi projek-projek yang akan dilaksanakan selaras dengan keutamaan serta keperluan pengurusan dan operasi dalam tempoh 5 tahun.
11. Antara lainnya, hasil (outcome) yang ingin dicapai melalui Pelan Strategik tersebut adalah seperti berikut:

- a) Penjanaan dan penambahbaikan pengurusan kewangan dari perkhidmatan termasuk kutipan hasil dan tunggakan;
 - b) Pertimbangan bagi kesesuaian pengkorporatan atau penswastaaan sebahagian dari perkhidmatan-perkhidmatan Kementerian dan Jabatan;
 - c) Peningkatan efisiensi & pengoptimaan sumber tenaga manusia serta aset-aset Kementerian;
 - d) Memantapkan pengurusan dan perkongsian data yang lebih berkesan untuk memanfaatkan data bagi evidence based policy making;
 - e) Menaiktaraf aplikasi teknologi ke arah penyampaian perkhidmatan pelanggan yang lebih efisien serta usaha dalam penambahbaikan proses; dan
 - f) Meningkatkan tadbir urus (*institutional governance*) bagi meningkatkan kecemerlangan pengurusan serta meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan.
12. Saya penuh berharap dengan adanya Buku Rangka Dasar dan Buku Panduan Pelan Strategik ini akan dapat memberikan panduan dan kefahaman kepada seluruh warga Kementerian Pembangunan dan seterusnya akan diperkukuhkan lagi dari masa kesemasa, melalui sesi pemberitaan oleh Divisyen PCSP khususnya mengenai pelan perancangan keseluruhan dan peranan yang harus dimainkan oleh setiap pegawai dan kakitangan di Kementerian ini demi mencapai hasrat dan matlamat serta hala tuju Kementerian Pembangunan dalam masa 5 tahun ke hadapan ini.
13. Menyentuh mengenai perlaksanaannya pula, adalah amat mustahak bagi kita semua, selaku warga Kementerian Pembangunan ini untuk mempunyai keyakinan dan mind-set yang positif, semangat teamwork dan komitmen yang tinggi, kesepaduan, pensejajaran serta kerjasama yang erat demi mencapai matlamat yang dirancang dengan berkonsepkan **whole of nation approach** daripada semua pihak, agar kita dapat menghasil kejayaan yang dihasratkan demi kemajuan dan demi mencapai Wawasan Negara Brunei 2035.

Sidang hadirin, hadirat yang dihormati sekalian,

14. Selaras dengan visi Kementerian Pembangunan iaitu ‘Kehidupan Berkualiti, Pembangunan yang Mampan, Negara Makmur’, Kementerian ini selaku penaraju utama dalam pembangunan infrastruktur fizikal dan sosial negara seperti perumahan negara, pasarana jalan raya, perkhidmatan utiliti air bersih, saliran dan pembedungan, dan juga bertanggungjawab menyediakan dasar, perancangan guna tanah dan kawalan kemajuan tanah dan bangunan, serta mempertahankan alam sekitar yang bersih dan terjamin seperti yang saya sebutkan tadi.
15. Oleh itu selaras dengan perkembangan semasa, Kementerian ini juga menyedari betapa pentingnya meningkatkan urus tadbir yang dinamik yang membawa kepada perubahan-perubahan yang baik demi menghasilkan pembangunan negara yang seimbang bagi kesejahteraan rakyat dan negara. Buku rangka dasar dan pelan strategik yang akan kita lancarkan pagi ini adalah satu inisiatif Kementerian ini dalam penambahbaikan urus tadbir bagi memastikan ia nya adalah sejajar dalam mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035, dengan penyusunan semula organisasi, pensejajaran institusi bagi memastikan pelan-pelan tindakan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang terarah kepada hala tuju yang sama untuk mencapai kepada sasaran yang dikehendaki.
16. Akhir kata, Dengan mendahulukan kalimah Bismillah Hirrahman Nirrahim serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, saya dengan sukacitanya melancarkan Buku Kertas Rangka Dasar dan Buku Panduan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2018- 2023.

Sekian
Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh